A-PDF Image To PDF Demo. Purchase from www.A-PDF.com to remove the watermark

IMPULSE
Buletin Hospital Melaka
Bilangan 11 Mei 2011 ISSN 1675-7041

Bengkel Meningkatkan Budaya Kerja
Jabatan Perubatan Hospital Melaka



Bengkel Meningkatkan Budaya Kerja Jabatan Perubatan telah berlangsung pada 30 Julai hingga 1 Ogos 2010 bertempat di Tiara Beach Resort Port Dickson. Seramai 100 peserta terdiri dari Ketua Jabatan, Dr Kauthaman Mahendran, pakar, pegawai perubatan, jururawat, penolong pegawai perubatan, pembantu tadbir dan pembantu perawatan kesihatan. Tema bengkel "Mengilap Mutiara Dalam Diri" adalah besesuaian dengan Misi Jabatan iaitu untuk menjadi Jabatan contoh di Hospital Melaka. Objektif bengkel ini adalah :

i) Memperolehi dan meningkatkan nilai-nilai etika kerja yang baik selaras dengan matlamat organisasi.
ii) Membina peribadi yang mempunyai kesungguhan berkerja, inisiatif, bermotivasi dan amanah dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab.
iii) Mewujudkan sikap yang positif dan perhubungan yang baik serta bekerjasama dalam menjalankan tugas harian.
iv) Menerapkan nilai-nilai unggul di kalangan anggota jabatan perubatan selaras dengan keperluan organisasi.

Jabatan Perubatan telah menjemput tiga penceramah dari REBT Management untuk mengendalikan bengkel, menggunakan konsep PERASA untuk meningkatkan semangat kasih sayang dalam perkerjaan dan kehidupan harian serta semangat kerja berpasukan. Sepanjang bengkel berlangsung peserta didedah-kan dengan aktiviti-aktiviti mengenai nilai-nilai positif harian seperti berikut :

i) *Team Building* - melalui aktiviti-aktiviti pembinaan pasukan daripada tahap keselamatan dan identiti individu, tahap penerimaan pasukan tahap misi dan visi pasukan. Kesan dari aktiviti ini diharapkan peserta-peserta dapat membina kerja berpasukan di antara mereka dan boleh diaplikasikan serta dipraktikkan di tempat kerja masing-masing.

ii) *Interpersonal Relationship* membantu peserta-peserta faham apa yang diperlukan oleh manusia dalam proses komunikasi interpersonal iaitu rasa diterima, rasa berkuasa dan rasa dihormati. Peserta didedahkan dengan aktiviti *problem solving* untuk mencapai matlamat dengan menggunakan kemahiran interpersonal.



iii) *Self Actualization* merupakan salah satu komponen *Emotional Quotient* di mana peserta-peserta mendapat kesedaran mengenai peningkatan penggunaan potensi diri dalam pekerjaan dan kehidupan harian.

iv) *Impulse Control* dapat membantu individu bertindak tenang dalam apa jua keadaan yang melibatkan emosi positif dan negatif serta membolehkan peserta-peserta menilai tahap pengawalan emosi mereka.

v) *Self Esteem* mengeratkan hubungan baik antara individu dari segi saling menerima, menghormati dan mendahului orang lain.

Peserta-peserta dibahagikan kepada kumpulan kecil yang terdiri dari kumpulan professional dan sokongan. Sepanjang bengkel setiap peserta bekerjasama, berusaha bersungguh-sungguh dan komited dalam segala aktiviti yang disediakan. Para peserta tak kira ketua jabatan, pakar, doktor hingga ke pemandu bersama menjayakan bengkel ini, sanggup mengharungi hujan dan bersengkang mata hingga larut malam.

Disediakan oleh Low May Chen, Ketua Jururawat

SIDANG REDAKSI

Penasihat

DR. NARIMAH NOR BINTI YAHAYA

Ketua Editor

DR. HAJI MOHD. KHALID BIN HAJI KASSIM

Penolong Ketua Editor

PUAN SURIYA HASAN
PUAN AGNES MISUN

Editor

TN. HJ. ABD MALEK ABD AZIZ
TN. HJ ZAKI ABDOLLAH
CIK FARIDAH ABDUL RAHMAN
PN. NORIZAN BAHARUDIN
TN. HJ. MOHD. AWAL DIN MOHD. NAZIR
PN. KAMISAH CHE MAT
EN. MOHD. JASMIN ABD. JABAR
PN. RAHMAH OTHMAN
EN. HAFIZ AZWANY B. TAHER

Urusetia

PN NORARINA ARIFFIN
EN. RAZALI SHAH MOHAMED SHAH

Dicetak Oleh
PERCETAKAN SURYA SDN. BHD.

Artikel yang tersiar dalam buletin ini tidak semestinya menggambarkan pandangan Hospital Melaka sepenuhnya. Kami mengalu-alukan kritikan membina dan hasil kreatif anda. Alamatkan kepada:

Pejabat Urusetia
Unit Pendidikan Pesakit
Hospital Melaka,
Jalan Mufti Hj. Khalil,
75400 Melaka.

Tel : 06-289 2344
Fax : 06-284 1590

DARI MINDA Ketua Editor



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Tahun 2010 menyaksikan Pengarah Hospital Melaka silih berganti. Selepas perpindahan Dr Anwa Sulaiman, Dr Narimah Nor Yahya pula menyandang Pengarah Hospital Melaka yang ke-30 pada 19 Oktober 2010.

Pada 10 Oktober 2010, Hospital Melaka telah terlibat dalam pengendalian mangsa-mangsa kemalangan ngeri di lebuh raya PLUS yang telah mendapat liputan berita yang meluas. Seramai 13 penumpang telah terkorban. Berbekalkan pengetahuan dan pengalaman mengendalikan tragedi letupan gas di TUSCO pada 14 Disember 2009, anggota-anggota hospital telah berjaya menguruskan semua mangsa seperti diharapkan.

Anggota kerja Hospital Melaka kini berjumlah 3,100 orang. Ini merupakan cabaran besar buat pengurusan Hospital Melaka yang ingin membangunkan modal insan yang membudayakan perkembahan pengetahuan dan amalan kerja cemerlang.

Tahun 2010 melabuh tirai dengan persaraan Datuk Dr Kuan Geoh Lan, Ketua Jabatan Pediatrik dan Dr Siti Fathimah binti Dato' Dr Hj Abbas, Ketua Jabatan Pengimejan dan Diagnostik.

Akhir sekali saya bagi pihak sidang redaksi ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Puan Suriya Hassan, Penolong Ketua Editor yang telah berpindah ke Institut Pengurusan Kesihatan, Bangsar pada Februari 2011. Jasa beliau sentiasa dikenang.

DR. HJ. MOHD. KHALID BIN HJ. KASSIM
MD., DSM., BCM., BKT., PJK.

Perutusan Pengarah
HOSPITAL MELAKA



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Saya berasa amat berbangga dapat bersama dalam edisi Impulse kali ini. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua anggota Hospital Melaka kerana sumbangan dan bakti menjayakan segala aktiviti dan program yang diamanahkan sepanjang tahun 2010 dengan jayanya. Kita telah maju beberapa tapak ke arah memberikan perkhidmatan cemerlang kepada semua pelanggan kita, tanpa mengira pangkat, kedudukan dan bangsa.

Bagi mengharungi tahun 2011, saya suka menyarankan untuk menghayati semangat **"Kita Sedia Membantu"** yang telah dilancarkan oleh YB Menteri Kesihatan kita tidak lama dahulu. Sedia membantu pesakit dalam semua aspek kehendak mereka, dan membantu sesama anggota hospital agar menjamin kelancaran perkhidmatan yang diberikan oleh setiap jabatan dan unit. Pihak pengurusan sedang merangka bengkel untuk memberi pendedahan dan kemahiran kepada semua anggota dalam masa terdekat ini. Salah satu perkhidmatan teras yang ingin saya mantapkan tahun ini ialah menceriakan perkhidmatan kaunter-kaunter jabatan dan unit. Pesakit apabila dilayan dengan mesra dan ceria oleh kakitangan kaunter akan pulang dengan senyuman dan kepuasan, walaupun terpaksa menerima hakikat bahawa setiap penyakit ada ubatnya, dan memakan ubat-ubatan seperti yang diarahkan oleh doktor. Saya meyeru ketua-ketua jabatan dan unit supaya memantau prestasi kaunter agar piagam pelanggan yang dipaparkan di dinding dipenuhi sentiasa.

Selaras dengan tumpuan kepada inovasi dan kualiti, saya mengambil beberapa inisiatif untuk menggiatkan program Kumpulan Inovasi dan Kualiti (KIK) menjurus kepada penjagaan pesakit. Untuk tujuan tersebut satu pertandingan KIK akan diadakan pada pertengahan tahun ini untuk menonjolkan hasil kerja setiap kumpulan yang telah dibentuk sejak dari tahun lepas lagi. Misi kita adalah memartabatkan inovasi ke arah peningkatan mutu perkhidmatan setiap jabatan dan unit. Rakyat sihat Negara sejahtera! Justeru saya menyeru semua warga hospital untuk menjayakan kempen "Jom Naik Tangga" sebagai salah satu usaha menjaga tubuh sihat dan mencapai nilai BMI yang selesa.

Akhir sekali, dengan usaha-usaha yang saya sebutkan di atas, saya yakin kita akan dapat mencapai status **"Healthy Hospital Setting"** demi menaikkan dan mengekalkan kedudukan Hospital Melaka sebagai sebuah hospital sihat dan menabur jasa menjaga kesihatan rakyat.

Sekian, wassalam.

DR. NARIMAH NOR BINTI YAHAYA

BULAN REHABILITASI JABATAN OFTALMOLOGI, HOSPITAL MELAKA

Sepanjang bulan Julai 2010, Jabatan Oftalmologi Hospital Melaka buat julung kalinya telah menganjurkan Bulan Rehabilitasi Penglihatan yang bertemakan 'Membentuk Golongan Kurang Upaya Penglihatan yang Berdikari'. Objektif program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai beberapa organisasi yang dapat membantu golongan kurang upaya penglihatan yang kurang berkemampuan dari segi kewangan, pendidikan, moral dan lain-lain. Selain daripada itu, program ini juga diharapkan dapat memberi pengetahuan kepada masyarakat berkenaan rehabilitasi penglihatan agar golongan kurang upaya penglihatan dapat hidup berdikari.



Beberapa slot ceramah dan aktiviti telah dijalankan sepanjang bulan ini. Antara tajuk ceramah adalah Kriteria kelayakan dan cara membuat tuntutan SOCSO, Kriteria kelayakan bantuan kebajikan pesakit Hospital Melaka, Pendaftaran Jabatan Kebajikan Masyarakat, dan juga Pengurusan kendiri pesakit terhad dan buta. Seramai 20 hingga 25 peserta yang terdiri daripada orang awam dan kakitangan Hospital Melaka telah menghadiri setiap slot ceramah yang dianjurkan. Penyampai ceramah-ceramah ini telah dijemput khas dari agensi dan jabatan yang berkenaan. Program ini diakhiri dengan pertandingan mewarna dan permainan dam ular untuk kanak-kanak dan orang dewasa. Majlis penutup telah dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Hospital Melaka, Dr. Abdul Raof bin Jaafar.



Pihak penganjur diketuai oleh Dr. S. Anusiah sebagai penasihat, Pn. Nor Aini Hanafi sebagai penyelaras, dan Pn. Eryanti Omar, Pn. Hazliyati Hassan, Pn. Syamzariah Mizlan, Cik Nurul Hafizah binti Mohd. Norizan, En. Hosana Christyon Sipon, Dr N. Suchitra, Sr Asiah binti Yusop, dan dibantu oleh lain-lain kakitangan Jabatan Oftalmologi.





Nor Aini Hanafi,
Pegawai Optometri,
Jabatan Oftalmologi

PERSIDANGAN PERI OPERATIF MORTALITY REVIEW (POMR) KALI KE-4 PERINGKAT KEBANGSAAN





Pada 30 dan 31 Oktober 2010 Persidangan POMR kali ke-4 Peringkat Kebangsaan telah diadakan di Ballroom Hotel Mahkota Melaka. Persidangan dwi tahunan ini dianjurkan oleh Jawatankuasa Bahagian Perkembangan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama Jawatankuasa POMR Hospital Melaka.

Merujuk kepada sejarah Persidangan POMR, persidangan kali pertama diadakan di Kelantan, 2 tahun selepas itu di Pulau Pinang seterusnya di Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan, Pahang dan kali ini di Melaka Bandaraya Bersejarah. Persidangan yang bermakna ini membawa tema *Nurturing Safe Surgery* iaitu salah satu matlamat perlaksanaan POMR dan inisiatif *Safe Surgery Saves Lives* bagi memberi perkhidmatan peri operatif, intra operatif dan pos operatif yang sempurna kepada pesakit-pesakit.

Jumlah peserta persidangan ini ialah 200 orang yang terdiri daripada mereka yang dipilih mewakili 42 buah hospital yang terlibat dalam aktiviti POMR, Pengarah dari 40 Hospital, 42 orang *POMR Assessor*, peserta-peserta dari hospital-hospital bukan kerajaan dan 14 penceramah jemputan yang berpengalaman.

Persidangan tersebut dirasmikan oleh Y.Bhg. Datuk Dr. Noor Hisham Bin Abdullah, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), Kementerian Kesihatan Malaysia. Turut hadir semasa perasmian ialah Y.Bhg. Dato' Dr. Azmi Bin Shapie, Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan, Y.Bhg. Dato' Dr. Azmi Hashim, Pengarah Kesihatan Negeri Melaka dan Dr. Narimah Nor Yahaya, Pengarah Hospital Melaka. Seramai 14 penceramah jemputan telah memberi ceramah, berkongsi ilmu dan pengalaman mereka bagi mencapai matlamat persidangan ini.

Di antara aktiviti sepanjang persidangan ialah aktiviti sosial melawat Jonker Walk, pameran 15 gerai oleh pelbagai syarikat pembekal, pameran buku-buku rujukan untuk doktor, paramedik dan lain-lain, perbahasan bertajuk *Safety in OT is the responsibility of the Anaesthetist*, pembentangan kes POMR dari Hospital Melaka dan Jabatan Neurosurgeri Hospital Kuala Lumpur dan pertandingan poster.

Persidangan tersebut berakhir pada 31 Oktober 2010 jam 1.00 petang dan upacara penutup dilaksanakan oleh Y.Bhg. Dato' Dr. Azmi Bin Shapie, Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Disediakan oleh:
PJ Norlidah Talib dan
JT Emi Farizah Abd. Ghafar



Aktiviti-aktiviti
JABATAN OTORINOLARINGOLOGI

Disediakan oleh:
Mohd Fazmi B. Fatelol,
Pegawai Pertuturan



1) KEM KESIHATAN OTORINOLARINGOLOGI 2010

Kem ini telah dilaksanakan pada 30 Januari 2010 bertempat di Dewan Japerun Lendu, Alor Gajah Melaka. Kem Kesihatan ini dijalankan bagi mendekatkan perkhidmatan kesihatan di kalangan orang awam. Kem ini dijalankan dengan kerjasama DUN Lendu, Alor Gajah, Melaka. Program ini meliputi pemeriksaan telinga, hidung, tekak, pendengaran, tekanan darah dan juga pameran berkaitan jabatan. Kem ini mendapat sambutan yang menggalakkan dan Ahli Dewan Undangan Negeri Lendu turut meluangkan masa beliau untuk mendapatkan pemeriksaan semasa kem ini berjalan.

2) NATIONAL ORL UPDATE 2010 : NEW FRONTIERS

Buat julung kalinya, jabatan ini telah melaksanakan seminar peringkat kebangsaan bagi memperkenalkan perkhidmatan dan rawatan terkini dalam bidang otorinolaringologi. Seminar ini telah dijalankan pada 11 dan 12 Mac 2010 bertempat di Hotel Mahkota, Melaka. Seminar ini dijalankan dengan kerjasama Kolej Perubatan Melaka Manipal. Hampir 200 orang peserta yang datang dari seluruh pelusuk Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan Labuan. Seminar ini turut dimeriahkan dengan kehadiran Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Melaka yang merasmikan seminar ini.



3) HARI KESIHATAN SEDUNIA 2010



Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengadakan sambutan Hari Kesihatan Sedunia bertempat di Dataran Pahlawan, Melaka pada 9 April 2010. Antara aktiviti yang dijalankan adalah pameran dan pemeriksaan kesihatan secara percuma dari 9 hingga 11 April 2010. Jabatan ini turut sama memeriahkan sambutan tersebut dengan mengambil bahagian dengan menjalankan ujian saringan kanser nasofaringeal dan ujian saringan pendengaran. Lebih 100 orang awam telah mendapatkan perkhidmatan ujian saringan tersebut. Lanjutan dari Hari Kesihatan Sedunia, MSO – HNS dan jabatan ini turut menganjurkan sambutan Minggu Kesedaran Kanser Oral, Kepala dan Leher yang diadakan dari 12 hingga 18 April 2010.

4) BENGKEL AIRWAY MANAGEMENT AND CARE

Bengkel ini merupakan penutup kepada aktiviti-aktiviti jabatan. Ia merupakan aktiviti tahunan jabatan bertujuan memberi pendedahan kepada para peserta mengenai aspek penjagaan pernafasan khususnya dari aspek pengurusan trakeostomi. Bengkel ini telah dijalankan pada 26 November 2010 bertempat di Dewan Kuliah 5, Kolej Perubatan Melaka Manipal. Seramai 100 peserta terdiri dari kakitangan kesihatan di Zon Selatan telah menghadiri bengkel ini.



"SMS & TAKE" dan "Ubat Melalui Pos 1 Malaysia"

POSLAJU NATIONAL COURIER

Jabatan Farmasi Hospital Melaka telah mengadakan 2 perkhidmatan baru untuk kebaikan pelanggan : "SMS & TAKE" dan "Ubat Melalui Pos 1Malaysia" (UMP 1Malaysia).

Melalui "SMS & TAKE", pelanggan boleh membuat temujanji untuk mengambil ubat dengan cara SMS. Pelanggan perlu mendaftar di kaunter farmasi untuk menyertai program ini. Setelah pendaftaran, pelanggan perlu mengesahkan tarikh ambil ubat dengan cara SMS kepada pihak farmasi melalui nombor 15888 selewat-lewatnya 2 hari sebelum tarikh pengambilan ubat. Pelanggan seterusnya akan menerima pengesahan tarikh dan masa mengambil ubat dari pihak farmasi. Seterusnya, pelanggan akan mengambil ubat di Kaunter "SMS & TAKE" di Farmasi Satelit 5.

Perkhidmatan ubat melalui Pos 1Malaysia ialah perkhidmatan pembekalan ubat susulan melalui poslaju ke lokasi pilihan pelanggan di seluruh Malaysia. Pendaftaran boleh dibuat di kaunter farmasi. Pelanggan yang menggunakan perkhidmatan ini dikenakan bayaran dalam lingkungan RM5 – RM10 (bergantung kepada berat ubat dan tempat yang diposkan). Bayaran kepada posmen sebaik sahaja ubat diterima. Ubat yang





boleh diposkan terhad kepada bentuk tablet dan kapsul sahaja.

Disediakan oleh:
Tan Siong Guan,
Pegawai Farmasi



Hospital Melaka Agih 3,500 Bungkus Bubur Lambuk



Pada 23 Ogos 2010, Hospital Melaka telah menganjurkan Program Gotong Royong menyediakan Bubur Lambuk Perdana. Kira-kira 3,500 bungkusan bubur lambuk yang di sediakan oleh 50 orang kakitangan Hospital Melaka telah diedarkan kepada pesakit-pesakit yang sedang menerima rawatan serta orang ramai.

Program ini yang merupakan aktiviti julung kali diadakan telah dirasmikan oleh Pengarah Hospital Melaka, Dr Hj. Anwa bin Sulaiman dan dilaksanakan dengan kerjasama Persatuan Pekerja-pekerja Islam, Kelab Perubatan dan Lembaga Pelawat Hospital Melaka.

Program ini bertujuan untuk meraikan Ramadan di samping mengeratkan lagi silaturahim antara kakitangan dan pesakit di samping memberi peluang kepada kakitangan beragama Islam untuk menyumbang dan bersedekah dengan tulus ikhlas.



5S RE-CERTIFICATION - Jabatan Farmasi & Bekalan, Hospital Melaka



Jabatan Farmasi & Bekalan, Hospital Melaka was pleased to announce that the department had successfully been re-certified under 5S certification by Malaysian Productivity Corporation (MPC) during its 5S external audit on 12 October 2010. This was made possible through the high commitment shown by all levels of staff in the department. Before the re-audit, our department had conducted a Big Cleaning day event on 2 October 2010. All zones were involved in carrying out this special 5S activity.

Thanks to all pharmacy staff who had given tremendous effort and commitment to this programme, which had transformed it into a better personal culture in the workplace and thus able to sustain this achievement. Recently, we had a number of visitors from Melaka, Johor and Negeri Sembilan who visited us and learned how to implement 5S in their workplaces. We also look forward for their feedback in order to further improve our 5S. With 5S which ensure the quality environment, it indirectly increases customer satisfaction through high quality services.

Disediakan oleh:
Saidatul Raihan, Pegawai Farmasi



Kursus 'ADVANCE SKILLS FOR PHARMACIST 2010'

Hospital Melaka telah berjaya mengadakan Kursus 'Advance Skills for Pharmacist 2010' pada 31 Julai 2010, 8 pagi hingga 5 petang bertempat di Auditorium Sri Baiduri, Hospital Melaka.

Sejumah 50 orang telah menyertai kursus ini. Antaranya adalah seorang VIP, 4 penceramah, 23 pegawai farmasi dari Hospital Melaka, 5 pegawai farmasi provisional dari Hospital Melaka, 13 pegawai farmasi dari hospital/KK negeri Johor, Negeri Sembilan, Alor Gajah, Jasin, 2 penolong pegawai farmasi dan 2 pembantu perawatan kesihatan.

Objektif kursus adalah:

- Untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai farmasi tentang ECG, Chest X-ray, ABG/VBG, dan CT Brain.
- Untuk meningkatkan pengetahuan pegawai farmasi dalam rawatan ACS, aritmia, strok/ pendarahan otak, pneumonia, TB, dan sebagainya.
- Untuk melahirkan semangat kerjasama dalam kumpulan.

Kursus ini telah menjemput empat orang penceramah:

- ABG/VBG - Dr. Ahmad Maujad
- ECG - Dr. Gan Chye Lee
- CT Brain - Dr. Gary Lee Chin Keong
- Chest X-ray - Dr. Patricia Loh

Pre-test dan *post-test* telah dijalankan untuk menguji tahap kefahaman peserta tentang topik-topik ceramah yang disampaikan. Didapati bahawa tahap kefahaman peserta terhadap keempat-empat topik yang diberikan meningkat selepas mengikuti kursus ini. Hadiah diberikan kepada 10 peserta yang mendapat markah yang tertinggi dalam *post-test*.

Penilaian telah dibuat ke atas pengurusan dan perjalanan kursus. Secara keseluruhan, kebanyakan peserta memberi respons baik terhadap peralatan pandang dengar, penceramah-penceramah, makanan dan peruntukan masa ceramah.

Disediakan oleh:
Chang Ven Yee, Pegawai Farmasi

Anti-Infective Therapy Seminar 2010: Do Our Strategies Work?

Pada 29 hingga 31 Oktober 2010, Jabatan Farmasi & Bekalan telah menganjurkan kursus *ANTI-INFECTIVE THERAPY SEMINAR 2010: DO OUR STRATEGIES WORK?* di salah sebuah hotel di negeri Melaka bersama-sama Bahagian Perkhidmatan Farmasi Negeri Melaka dan Persatuan Farmasi Malaysia. Seramai 150 peserta yang terdiri daripada pegawai farmasi, penolong pegawai farmasi, doktor dan jururawat telah menghadiri seminar tersebut.

Seminar tersebut bertujuan memberikan pendedahan kepada kakitangan perubatan daripada hospital dan klinik kesihatan mengenai panduan terkini berkenaan pengurusan infeksi dan penggunaan anti-infektif. Selain itu, para peserta juga berpeluang berinteraksi aktif dengan penceramah dalam isu penggunaan dan pengendalian antibiotik terutama dalam Unit Rawatan Rapi. Antara topik ceramah yang dibentangkan termasuklah *Neutropenia Sepsis Post Chemotherapy, Healthcare-Associated Infection dan Management of Anti-Infective in ICU.*

Pada akhir seminar, acara cabutan bertuah telah diadakan di mana lebih daripada 20 hadiah telah disediakan untuk dimenangi oleh para peserta. Dengan berakhirnya seminar selama 3 hari ini, pihak penganjur berharap para peserta dapat menimba ilmu pengetahuan baru dan mempraktikkannya dalam bidang masing-masing pada masa akan datang dan yang paling penting objektif seminar ini tercapai.

Disediakan oleh: Ku Siew Choo, Pegawai Farmasi





Kursus 'Writing Paper For Publication 2010'



Perbincangan antara penceramah dan para peserta

Pada 24 April 2010, Kursus *Writing Paper for Publication 2010* telah dianjurkan oleh Jabatan Farmasi dan Bekalan, Hospital Melaka, bertempat di Makmal Komputer, Kompleks Perpustakaan, Kolej Perubatan Melaka Manipal. Kursus satu hari ini bermula pada 8.00 pagi melibatkan 30 orang pegawai farmasi dan pegawai farmasi provisional dari Hospital Melaka.

Objektif kursus ini ialah untuk memberi pendedahan kepada para peserta tentang bagaimana jurnal ditulis dan diterbitkan, memperbaiki kemahiran mencari rujukan melalui internet selain melahirkan semangat bekerjasama dalam kumpulan. Professor Madya Dr. Adinegara Bin Lufti Abas yang berpengalaman di dalam bidang *Public Health* telah dijemput sebagai penceramah bagi kursus ini. Topik-topik yang disampaikan meliputi *Research Methodology, Writing Introduction, Writing Methodology* dan *Writing Result & Discussion.* Selain itu, para peserta turut diberi peluang membentangkan proposal kajian untuk tujuan perbincangan.

Secara keseluruhannya, diharap kursus ini dapat memberi pendedahan kepada para peserta dan meningkatkan bilangan penerbitan jurnal-jurnal di kalangan ahli farmasi.

Disediakan oleh:
Siti Zainora Mohd Zulkefli, Pegawai Farmasi



Perbincangan dalam kumpulan

Berita



Pegawai daripada Malaysian Productivity Corporation sedang memeriksa stor di Jabatan Farmasi semasa audit persijilan semula 5S Jabatan Farmasi, Hospital Melaka.



Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan Lendu meluangkan masa menjalani pemeriksaan kesihatan semasa Program Kem Kesihatan Otorinolaringologi 2010 yang diadakan di Dewan Japerun Lendu, Alor Gajah, Melaka.



Datuk Dr. Haji Azmi Bin Hashim, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri memotong kek 1 Malaysia pada majlis Sambutan Perayaan 1 Malaysia anjuran Bahagian Farmasi, Negeri Melaka.



Hari Bersama Pelanggan pada 5 Mei 2011.



Peserta-peserta Kursus An Update Management of Spinal Pain anjuran Unit Fisioterapi bergambar bersama Ketua Unit Fisioterapi, Puan Amnah Binti Kamari.



Ahli fisioterapi Hospital Melaka memberi penerangan kepada pengunjung pameran Kepentingan Kesihatan Fizikal dalam Dunia Urbanisasi sempena Hari Kesihatan Sedunia yang dianjurkan oleh Unit Fisioterapi di Bangunan Dataran Pahlawan, Melaka.



Majlis Perpisahan Penyelia Asrama, Jabatan Dietetik dan Sajian, Hospital Melaka.



Staf Jabatan Pengimejan dan Diagnostik sedang tekun mendengar penerangan oleh penceramah Kursus Emergency Radiology anjuran Jabatan Pengimejan dan Diagnostik, Hospital Melaka.



Salah satu aktiviti permainan dam ular gergasi semasa Hari Penutup Bulan Rehabilitasi anjuran Jabatan Oftalmologi, Hospital Melaka.

Bergambar



Staf Jabatan Oftalmologi menjalankan ujian penglihatan dengan Kay Picture sempena program Ujian Saringan Penglihatan untuk kanak-kanak di Tadika Alaqil.



Wakil daripada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (Bank Rakyat) menyampaikan hamper dan sumbangan duit raya kepada pesakit di wad pediatrik sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri 1431H.



Sumbangan ikhlas daripada Rotary Club kepada Hospital Melaka di Majlis Perhimpunan Bulanan.



Timbalan Pengarah Pengurusan Hospital Melaka, Encik Che Sukri Bin Che Mat menyampaikan ucapan penutup Kursus Keselamatan Perlindungan di Auditorium Sri Baiduri, Hospital Melaka.



Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah Shirlin Binti Abdul Rashid Shirlin melawat salah seorang mangsa kemalangan kilometer 223 Lebuh Raya Utara Selatan sambil diperhatikan oleh Timbalan Pengarah (Perubatan) Jabatan Kesihatan Negeri Melaka, Datuk Dr. Dul Hadi Bin Mat Junid (kiri) dan Ketua Jabatan Pembedahan, Hospital Melaka Dr. Muhamad Safian Bin Naim (kanan).



Antara hadirin yang hadir di Majlis Perasmian Hari Anestesia 2010 peringkat Negeri Melaka anjuran Jabatan Anestesiologi, Hospital Melaka di Auditorium Sri Baiduri.



Staf Hospital Melaka bertungkus-lumus membersihkan kawasan masing-masing di Majlis Gotong-Royong Perdana, Hospital Melaka.



Lawatan pelajar-pelajar Sekretariat Rakan Muda Universiti Kuala Lumpur (UNIKL MICET) ke Hospital Melaka.



Pelajar-pelajar dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) sedang diberi taklimat oleh staf bertugas sempena lawatan mereka ke wad Aras 1-2 Hospital Melaka.

Hari Muhibah Jabatan Perubatan

Hari Muhibah Jabatan Perubatan telah diadakan pada 23 Oktober 2010 di Auditorium Sri Baiduri Hospital Melaka bermula 12.00 tengah hari hingga 3.30 petang. Objektif Majlis ini diadakan adalah untuk merapatkan hubungan warga kerja jabatan perubatan dan sambutan Hari Raya Aidilfitri.



Majlis telah dirasmikan oleh Ketua Jabatan Dr. Kauthaman Mahendran dan dihadiri seramai 500 warga kerja Jabatan Perubatan. Di majlis ini semua warga kerja dapat mengenali dan beramah mesra di antara satu sama lain. Setiap unit juga telah mengadakan



persembahan seperti nyanyian, tarian, lakonan dan lain-lain. Acara persembahan terbaik dimenangi oleh Klinik Pakar Perubatan. Tempat kedua dimenangi oleh wad C3 manakala tempat ketiga oleh HDW. Hadiah juga telah diberi kepada pemenang cipta logo 5S bagi Jabatan Perubatan yang telah dimenangi oleh Klinik Dada. Hadiah telah disumbangkan oleh Dr. Kauthaman Mahendran.

Disediakan oleh:
Low May Chen, Ketua Jururawat

LAPORAN PERSATUAN PEKERJA-PEKERJA ISLAM HOSPITAL MELAKA

Persatuan Pekerja-pekerja Islam Hospital Melaka (PPIHM) sentiasa mengadakan aktiviti pembangunan ummah melalui penghayatan rohani. Sebanyak 12 sesi ceramah dan aktiviti Helwa telah dianjurkan sepanjang tahun 2010. Di samping itu juga PPIHM meraikan hari-hari perayaan dalam Islam dengan harapan adanya syiar Islam di Hospital Melaka. Dengan adanya aktiviti-aktiviti keagamaan diharap dapat menyedarkan warga kerja Hospital Melaka supaya lebih bertanggungjawab dan prihatin terhadap tugasan harian. Kesempatan bekerja di sektor kesihatan sewajarnya dilihat sebagai peluang untuk meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah S.W.T. iaitu dengan menjadikan kerja itu sebagai satu ibadat. Keikhlasan dalam pekerjaan sudah pasti akan menghasilkan mutu kerja yang baik dan berkualiti.

ILLAZAROV UPDATE 2010

Jabatan Ortopedik dengan kerjasama Pertubuhan Pendidikan Perubatan Lepasan Ijazah Hospital Melaka, telah menganjurkan Illazarov Update 2010 bertempat di salah sebuah hotel di negeri Melaka pada 29 Julai - 30 Julai 2010. Seramai 90 peserta dari seluruh tanah air mengambil bahagian. Seminar 2 hari ini memberi peluang kepada para peserta mendalami teknik terkini di samping bertukar-tukar fikiran.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB. Datuk Hjh. Norpipah Binti Abdol, Pengerusi Jawatankuasa Negeri Hal Ehwal Wanita, Pembangunan Keluarga dan Kesihatan. Dalam ucapan perasmian beliau antara lain melahirkan harapan agar perkhidmatan ortopedik terus mampan seiring dengan perkembangan dunia perubatan. Kerajaan Negeri Melaka berharap penganjuran seminar ini dapat diadakan lagi di masa akan datang kerana secara tidak langsung membawa pelancong-pelancong domestik ke Negeri Melaka.



Program PENEMPATAN KERJA



Dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan dalam bidang pemulihan, Unit Pemulihan Carakerja (Psikiatri) Hospital Melaka telah memperkembangkan skop perkhidmatan dengan mewujudkan Program Penempatan Kerja (Job Placement) sebagai salah satu modaliti rawatan untuk pesakit psikiatri. Program ini telah bermula pada bulan Julai 2010. *"Penglibatan dalam pekerjaan memainkan perapan yang penting dalam pemulihan bagi mereka yang mengalami masalah kesihatan mental" (Borg & Kristiansen, 2008).*

Program Penempatan Kerja merupakan aktiviti sokongan pekerjaan *(supported employment)* dan pekerjaan peralihan *(transitional employment)* yang dijalankan di Unit Pemulihan Carakerja bahagian psikiatri. Aktiviti ini berkonsepkan *place and train* di mana pesakit akan ditempatkan di tempat kerja yang sebenar dan menjalani latihan sepanjang mereka bekerja dan menerima gaji di atas pekerjaan mereka.

Matlamat program ini adalah untuk menyediakan pesakit dengan program pemulihan yang efektif agar pesakit dapat berdikari dari aspek mental, sosial, fizikal dan ekonomi melalui aktiviti yang bersesuaian dengan bekerja secara kompetetif. Objektif program adalah untuk membantu pesakit mencari pekerjaan yang sesuai dengan kemahiran yang mereka ada supaya dapat mencapai potensi terbaik dalam bidang pekerjaan dan kehidupan harian. Tujuan program pula adalah untuk memberi khidmat nasihat pekerjaan, membantu pesakit dalam mencari pekerjaan dan memberi sokongan pekerjaan yang berterusan.

Bagi pesakit yang berminat untuk bekerja, mereka perlu dirujuk terlebih dahulu oleh pegawai perubatan ke Unit Pemulihan Carakerja dan seterusnya akan dinilai oleh jurupulih carakerja yang menjaga berdasarkan minat, kemahiran, pengalaman dalam pekerjaan dan dari segi keperluan yang lain. Dalam program ini juga pesakit akan melalui beberapa proses bagi memastikan mereka benar-benar layak dan bersedia untuk bekerja di luar.



Dalam proses ini, jurupulih carakerja akan melakukan pencarian kerja *(Job Search)* melalui pelbagai sumber termasuklah jawatan kosong melalui surat khabar, iklan, Jabatan Tenaga Buruh dan lawatan ke kilang atau premis untuk dimasukkan ke dalam *Job Bank*. Apabila berjaya mencari kerja yang sesuai, pesakit akan diminta untuk menghadiri *Job Interview* di mana pesakit akan ditemuduga oleh majikan yang telah dipilih melalui *Job Search*.

Sepanjang tempoh 6 bulan (Julai-Disember) beroperasi, Program Penempatan Kerja telah berjaya mencari pekerjaan untuk 13 orang pesakit seperti di restoran, pasaraya, stesen minyak dan kedai.

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Pn. Nurhayati A.Rahman, Jurupulih Perubatan Carakerja U32, Unit Pemulihan Carakerja Hospital Melaka, 06-2707620.

Majlis Akad Nikah Di Wad D-2



Malang tak berbau begitulah yang terjadi kepada En. Asmani Aziz yang terlibat dalam kemalangan beberapa hari sebelum hari pernikahannya. Namun kalau sudah jodoh, ikan di laut, asam di darat, di dalam kuali bertemu jua. Jabatan Ortopedik dengan kerjasama semua pihak telah berusaha memenuhi impian pasangan tersebut.

Akhirnya 10 Disember 2010 telah menjadi tarikh keramat bagi pasangan terbabit bilamana pada jam 10.00 pagi pasangan tersebut telah selamat diijabkabulkan. Pasangan pengantin diraikan bersama oleh Y.B. Datuk Kapt (B) Hj. Ab. Karim bin Sulaiman, Pengerusi Jawatankuasa Negeri Kebajikan, Perpaduan dan Belia & Sukan. Turut hadir di dalam majlis tersebut ialah Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Melaka, Dato' Dr. Azmi Bin Hashim. Seluruh wargakerja Jabatan Ortopedik mengucapkan "Selamat Pengantin Baru, Semoga Kekal ke Anak Cucu".

PEMBUKAAN DEWAN BEDAH DI HOSPITAL JASIN

Jabatan Ortopedik telah mengambil langkah drastik dengan meluaskan operasi ke Hospital Jasin. Bermula 1 November 2010 Jabatan Ortopedik telah menempatkan anggota-anggota yang terdiri daripada pakar, pegawai perubatan serta pegawai perubatan siswazah secara bergilir-gilir. Antara skop perkhidmatan di Hospital Jasin ialah pembedahan minor setiap hari selasa, sesi klinik susulan ortopedik dan penjagaan wad kes ortopedik.

Pengurusan Hospital Jasin telah memberikan segala bantuan termasuk penginapan kepada pegawai perubatan yang terpaksa bertugas atas panggilan. Walaupun menghadapi kekurangan kakitangan namun Jabatan Ortopedik komited menambahbaik perkhidmatan dengan sumber-sumber sedia ada. Kemudahan ini amat dinantikan oleh masyarakat sekitar Jasin. Sesungguhnya



dengan adanya perkhidmatan ortopedik di Hospital Jasin ianya dapat meningkatkan kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh JKN Melaka amnya dan Jabatan Ortopedik khasnya.

Laporan PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN

Penolong Pegawai Perubatan (PPP) komited mendokongi aspirasi Hospital Melaka setiap masa dan ketika. Tahun 2010 telah membuka lembaran baru dalam profesion PPP apabila 14 orang PPP telah menamatkan pengajian di beberapa universiti dalam dan luar negara. Pengiktirafan Kementerian Kesihatan Malaysia terhadap skim bersepadu PPP telah membuka ruang dan peluang yang lebih luas dalam kerjaya sebagai PPP.

Seiring dengan pencapaian itu satu konvensyen PPP telah dianjurkan pada 6 dan 7 Disember 2010 di Auditorium Balai Cerap Al-Khawarizmi, Masjid Tanah, Melaka. Sebanyak 4 pembentangan kertas kerja oleh para graduan PPP bolehlah dianggap berjaya kerana mereka telah mula berani ke hadapan membentangkan kertas kerja masing-masing. Seramai 80 peserta hadir dalam konvensyen tersebut yang dirasmikan oleh Yang Berbahagia Pengarah Kesihatan Negeri Melaka Dato' Dr. Azmi Bin Hashim. Dalam ucapan perasmian beliau menggariskan keperluan memahami konsep kerja sebagai satu ibadah. Kejayaan penganjuran itu dianggap era baru PPP yang lebih cemerlang di masa hadapan.

Para peserta juga dibawa melihat anak bulan 1 Muharam yang kebetulan jatuh pada hari yang sama. Sebelum balik para peserta dibenarkan melawat kompleks Balai Cerap Al-Khawarizmi serta tayangan video mengenai Islam dan Angkasa lepas.





Program Khatam Al-Quran



Bagi tahun 2010 kedua-dua Qari dan Qariah dari Hospital Melaka telah mewakili Negeri Melaka ke Ujian Tilawah Al-Quran Kementerian Kesihatan Malaysia Peringkat Kebangsaan yang diadakan di Auditorium RTM Kuantan. Penyertaan kali ini berjaya mendapat tempat ke tiga dalam bahagian Qari yang diwakili oleh Tn. Hj. Mohd Awal Din Bin Mohd Nazir. Ekoran dari kejayaan itu Dato' Dr. Hj. Azmi Bin Hashim, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Melaka mencadangkan agar aktiviti Tahsin al-Quran digiatkan lagi di masa-masa akan datang.

Persatuan Pekerja-pekerja Islam Hospital Melaka (PPIHM) percaya wadah yang dibawa mampu membentuk peribadi muslim yang baik dan kebaikan ini diterjemahkan melalui perkhidmatan yang cemerlang di dunia dan gemilang di akhirat.

Laporan Insiden

PEMBENTUKAN JAWATANKUASA

Jawatankuasa Laporan Insiden Hospital Melaka telah ditubuhkan pada Julai 2008. Pengerusinya ialah Mr. Hj. Abd. Razak Ahmad. AJK Induk telah diagihkan dengan tugasan tertentu dan Jawatankuasa Sokongan bertanggungjawab mengumpul data, mengklasifikasikan insiden, edit dan membentangkan semasa mesyuarat bulanan.

Aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan sepanjang 2010:

a. Mesyuarat Bulanan
b. Kursus Laporan Insiden dan Team Building pada 27 dan 28 April 2010
c. Jamuan Perpisahan AJK Induk Matron Hatipah pada 19 Mei 2010
d. Kursus Aplikasi MS Access 16 - 17 Mei 2010
e. Jamuan Hari Raya Aidilfitri 19 Oktober 2010
f. Kursus Implementasi MS Access (Data Laporan Insiden Hospital Melaka) 30 November - 1 Disember 2010

SUMBANGAN

Jawatankuasa Laporan Insiden telah menerima sumbangan sebuah komputer daripada pengerusi Laporan Insiden pada September 2010. Komputer digunakan khas untuk pengumpulan data Laporan Insiden Hospital Melaka dan aktiviti-aktiviti Jawatankuasa Laporan Insiden.

PENCAPAIAN

a. Meningkatkan kesedaran ketua-ketua jabatan dan unit mengenai kepentingan laporan insiden.



b. Meningkatkan pengetahuan mengenai jenis borang laporan insiden, carta aliran kerja proses pengisian dan penghantaran borang Laporan Insiden seperti berikut :

- **Generic use**
- **Anaesthetic use**
- **ICU use**
- **OT use**
- **Labour room use**
- **Ward/clinic use**

Disediakan oleh:
Lee Keng Geok, Ketua Jururawat

Lawatan Bayi Maal Hijrah 1432H

Lazimnya bayi-bayi yang dilahirkan pada awal Muharam setiap tahun akan diberi sambutan oleh Jabatan Agama Islam di Hospital Melaka. Pada 1 Muharam 1432H bersamaan 7 Disember 2010 sekali lagi Majlis Lawatan Bayi Maal Hijrah anjuran bersama Jabatan Agama Islam Negeri Melaka dan Hospital Melaka telah diadakan. Majlis ini telah disempurnakan oleh Yg. Amat Berbahagia Datin Seri Datuk Wira Hjh. Asmah Abd. Rahman, isteri Yang Amat





Berhormat Ketua Menteri Melaka.

Datin Seri Datuk Wira Hjh. Asmah Abd. Rahman dan rombongan seramai 15 orang bersama kakitangan Jabatan Agama Islam Melaka telah disambut oleh kakitangan Hospital Melaka pada jam 9.00 pagi.

Lawatan ini adalah bertujuan untuk meraikan dan menyampaikan cenderahati kapada bayi-bayi yang telah dilahirkan dari jam 12 tengah malam 1 Muharam.

Latihan AKREDITASI VERSI KE 3

Pada tanggal 30 November 2010 telah diadakan satu sesi latihan berkenaan penilaian akreditasi versi ke tiga oleh Malaysian Society For Quality in Health (MSQH). Sesi latihan yang diadakan di Auditorium Sri Baiduri Hospital Melaka ini diadakan khusus bagi memberi pendedahan kepada semua warga Hospital Melaka khususnya Ketua-Ketua Jabatan dan Unit tentang kriteria-kriteria penilaian yang akan dijalankan semasa penilaian akreditasi pada bulan Mei 2011 nanti. Fasilitator yang hadir pada sesi latihan tersebut adalah:

1. Assoc. Prof. Dr. M.A Kadar Marikar
   Chief Executive Officer, MSQH
2. Assoc. Prof. Dato' Dr. S. Noor Ghani
   Chief Surveyor, MSQH
3. Mr. Len Payne
   MSQH and WHO Consultant
4. Ms. Rebecca John
   Executive Manager Technical Services, MSQH

Sesi latihan yang dijalankan selama sehari ini antara lain menggariskan:

1. Accreditation Principles and Process
2. MSQH Hospital Accreditation Standards 3rd Edition – Principles and Focus
3. Hospital-wide Standards
4. Specific Standards Requirements

Dengan adanya sesi latihan ini diharapkan semua warga Hospital Melaka akan mendapat pemahaman yang lebih jelas tentang proses penilaian Akreditasi versi ke tiga ini dan dapat mengimplementasikan semua standard dan polisi yang telah dibentangkan ini ke dalam perkhidmatan.





Program Khidmat Masyarakat Aeon Co. M. (Bhd) Ke Wad Kanak-kanak Aras 1-4





Program khidmat masyarakat AEON ke wad kanak-kanak Aras 1-4 telah dirasmikan oleh Yang Amat Berbahagia Datin Seri Datuk Wira Hjh. Asmah Abd. Rahman, isteri Yang Amat Berbahagia Ketua Menteri Melaka.

Di antara aktiviti yang dijalankan ialah mengecat dan melukis dinding wad Kanak-kanak Aras1-4 untuk menceriakan lagi suasana wad.

Malam Seharum Budi Semekar Kasih



Dari kiri : Dr. Leow Poy Lee, Datuk Dr. Kuan Geok Lan, Dr. Siti Fathimah Datuk Dr. Hj. Abbas dan Dr. Rozalina Abd Hamid



Penyampaian Cenderahati oleh Pengarah Kesihatan Negeri Melaka kepada kedua-dua ketua jabatan

Hospital Melaka mencatatkan sebuah lagi peristiwa bersejarah pada bulan Disember 2010 apabila dua orang pakar perunding wanita yang dedikasi iaitu Datuk Dr. Kuan Geok Lan, Pakar Perunding dan Ketua Jabatan Pediatrik telah bersara wajib pada 8 Disember 2010, manakala Dr. Siti Fathimah Datuk Dr. Hj Abbas, Pakar Perunding Kanan Radiologi yang telah memegang tampuk sebagai Ketua Jabatan Pengimejan Diagnostik Hospital Melaka semenjak tahun 1991 memohon untuk bersara pilihan pada 31 Disember 2010.

Bagi menghargai jasa dan bakti mereka yang telah berkhidmat lama dengan Hospital Melaka, warga kerja kedua-dua jabatan berganding bahu merencanakan satu majlis bagi meraikan persaraan kedua-dua Ketua Jabatan. Majlis yang berlangsung pada malam 3 Disember 2010, bertempat di Auditorium Seri Baiduri Hospital Melaka telah dihadiri oleh 200 tetamu yang terdiri daripada Tetamu-Tetamu Kehormat, Ketua-Ketua Jabatan dan Unit serta kakitangan dari kedua-dua jabatan. Dengan tema Malam Seharum Budi Semekar Kasih, majlis diwarnai dengan pelbagai persembahan oleh kakitangan dari kedua-dua jabatan. Kemuncak majlis amat menyentuh hati para hadirin kerana Hospital Melaka kehilangan dua individu yang amat berjasa.

Semoga persaraan Datuk Dr. Kuan Geok Lan dan Dr. Siti Fathimah Datuk Dr. Hj Abbas bukanlah suatu noktah untuk mereka terus berbakti.

Hadijah Nekmat,
PT N17,
Jabatan
Pengimejan
Diagnostik

Malam Seharum Budi Semekar Kasih



Dari kiri : Dr. Leow Poy Lee, Datuk Dr. Kuan Geok Lan, Dr. Siti Fathimah Datuk Dr. Hj. Abbas dan Dr. Rozalina Abd Hamid



Penyampaian Cenderahati oleh Pengarah Kesihatan Negeri Melaka kepada kedua-dua ketua jabatan

Hospital Melaka mencatatkan sebuah lagi peristiwa bersejarah pada bulan Disember 2010 apabila dua orang pakar perunding wanita yang dedikasi iaitu Datuk Dr. Kuan Geok Lan, Pakar Perunding dan Ketua Jabatan Pediatrik telah bersara wajib pada 8 Disember 2010, manakala Dr. Siti Fathimah Datuk Dr. Hj Abbas, Pakar Perunding Kanan Radiologi yang telah memegang tampuk sebagai Ketua Jabatan Pengimejan Diagnostik Hospital Melaka semenjak tahun 1991 memohon untuk bersara pilihan pada 31 Disember 2010.

Bagi menghargai jasa dan bakti mereka yang telah berkhidmat lama dengan Hospital Melaka, warga kerja kedua-dua jabatan berganding bahu merencanakan satu majlis bagi meraikan persaraan kedua-dua Ketua Jabatan. Majlis yang berlangsung pada malam 3 Disember 2010, bertempat di Auditorium Seri Baiduri Hospital Melaka telah dihadiri oleh 200 tetamu yang terdiri daripada Tetamu-Tetamu Kehormat, Ketua-Ketua Jabatan dan Unit serta kakitangan dari kedua-dua jabatan. Dengan tema Malam Seharum Budi Semekar Kasih, majlis diwarnai dengan pelbagai persembahan oleh kakitangan dari kedua-dua jabatan. Kemuncak majlis amat menyentuh hati para hadirin kerana Hospital Melaka kehilangan dua individu yang amat berjasa.

Semoga persaraan Datuk Dr. Kuan Geok Lan dan Dr. Siti Fathimah Datuk Dr. Hj Abbas bukanlah suatu noktah untuk mereka terus berbakti.

Hadijah Nekmat,
PT N17,
Jabatan
Pengimejan
Diagnostik

KEMPEN-KEMPEN KESIHATAN

Kempen Derma Organ



Selaras dengan misi Kementerian Kesihatan untuk mempromosikan pendermaan organ, Unit Pendidikan Pesakit telah mengadakan beberapa siri Kempen Promosi Pendermaan Organ di peringkat Hospital Melaka. Objektif kempen ini adalah untuk menyedarkan orang ramai mengenai kepentingan menderma organ dan sekaligus menggalakkan masyarakat menjadi pengikrar penderma organ. Antara kempen yang telah diadakan adalah seperti berikut :

- 24 Mei 2010 - Kempen Pendermaan Organ bertempat di Lobi Utama, Hospital Melaka.
- 20 Jun 2011 di Dataran Sungai Melaka, aktiviti pameran derma organ telah diadakan bersempena sambutan Pesta Sungai Melaka.
- 22 Oktober hingga 30 Oktober 2010 di Pejabat Pos Besar, Bukit Baru, Melaka.
- 9 Ogos 2010 - Pameran, pemeriksaan kesihatan, ceramah, tayangan video dan kuiz kesihatan kepada pelajar-pelajar UITM di Kampus Bandaraya Melaka.
- 24 Oktober 2010 - Ceramah bersama Buddhist Tzu Chi, Batu Berendam.
- 15 hingga 26 November 2010 - Pameran kesihatan di Hospital Jasin.
- 29 November hingga 10 Disember - Pameran kesihatan di Hospital Alor Gajah.
- 13 Disember - 24 Disember 2010 - Pameran kesihatan di Poliklinik Komuniti Ayer Keroh.



Kempen TAK NAK MEROKOK

Unit Pendidikan Pesakit dengan kerjasama Jabatan Farmasi Hospital Melaka telah menganjurkan sambutan Hari Tanpa Tembakau Sedunia peringkat Hospital Melaka pada 8 dan 9 Jun 2010 bertempat di Lobi Utama Hospital Melaka. Objektif kempen ini adalah untuk mendapatkan rujukan perokok ke Klinik Berhenti Merokok. Antara aktiviti kempen ialah pameran kesihatan dan khidmat nasihat berhenti merokok. Kempen diteruskan sepanjang bulan Jun dengan pengisian pelbagai aktiviti seperti Ceramah mengenai Wanita dan Merokok diadakan pada 7 dan 14 Jun 2010 kepada bakal ibu dan bapa. Seramai 50 peserta telah hadir ke sesi ceramah tersebut. Pameran, khidmat nasihat dan kaunseling berhenti merokok telah diadakan pada 17 Jun 2010 di CTRM Aero Composites Sdn Bhd di Batu Berendam Melaka. Aktiviti ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari pekerja-pekerja syarikat tersebut.





Lawatan Amal Ke Hospital Melaka

Hospital Melaka amat bertuah kerana mendapat dua kunjungan amal pada bulan Mac 2011. Kunjungan ini adalah sempena Hari Tamil Bell pada 1 Mac 2011 dan 'Kembara Bakti Ke Melaka' oleh Petronita pada 5 Mac 2011. Hari Tamil Bell telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Datin Seri Datuk Wira Hajah Asmah Abd Rahman. Sempena Hari Tamil Bell telah diadakan majlis penyampaian sumbangan hamper kepada Hospital Melaka. Program lawatan amal 'Kembara Bakti ke Melaka' pula di ketuai oleh Yang Berbahagia Datin Sharifah Salwa Syed Kamaruddin, Yang dipertua Petronita. Sempena lawatan amal ini beliau bersama rombongan sempat beramah mesra dengan warga Hospital Melaka serta membuat lawatan ke wad-wad untuk menyampaikan sumbangan.



Lawatan Petronita





Lawatan Tamil Bell





